



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA PROGRAM LAWATAN YB DR XAVIER JAYARKUMAR,
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
KE STESEN PENYELIDIKAN INSTITUT PENYELIDIKAN
PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM), BIDOR, PERAK DAN
LADANG *EUCALYPTUS*, BUKIT SAPI, LENGGONG, PERAK**

6 – 7 APRIL 2019

YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengadakan lawatan kerja ke Stesen Penyelidikan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Bidor, Perak dan Ladang *Eucalyptus*, Bukit Sapi, Lenggong, Perak pada 6 hingga 7 April 2019. Turut serta sewaktu lawatan tersebut termasuklah beberapa orang pegawai Kedutaan Asing di Malaysia dan Organisasi Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat kejayaan FRIM dalam aktiviti penghijauan semula kawasan bekas lombong dengan kepelbagaian spesies pokok hutan yang telah ditanam dengan menggunakan teknik penanaman terpilih hasil penyelidikan FRIM.

Tujuan utama Stesen Penyelidikan FRIM Bidor ditubuhkan adalah untuk membangunkan sistem perhutanan yang sesuai bagi pemulihan tanah terosot khususnya di kawasan bekas lombong bijih timah. Melalui penanaman pokok-pokok spesies hutan menggunakan teknologi saintifik sebuah kawasan hutan buatan manusia telah terbukti berjaya dibangunkan.

Melalui program ini, FRIM telah berjaya menanam lebih kurang 10 spesies pokok balak yang bernilai komersil. Selain itu, terdapat lebih 70 spesies hidupan liar termasuk burung penghijrah, burung enggang, tupai, babi hutan, musang, monyet dan ular mendiami kawasan yang telah dipulihkan ini.

Stesen penyelidikan yang turut dikenali sebagai *Pusat Penanaman Semula Hutan Bekas Lombong Timah* ini adalah merupakan kawasan **bekas lombong bijih timah yang pertama dan terluas yang berjaya dihijaukan secara sistematik dengan spesies-spesies pokok hutan.**

Ia turut mendapat pengiktirafan '*Malaysia Book of Records*' pada 8 Oktober 2016 sebagai '*Largest Man-made Forest Established on Ex-tin Mine*'. Ia juga merupakan model hutan yang diiktiraf sebagai tapak pendidikan antarabangsa untuk pemulihan kawasan bekas lombong bijih timah dan menjadi tapak kajian bagi projek-projek penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa berkaitan dengan penanaman semula hutan, biodiversiti, pengaruh hutan, fitoremediasi dan eko-toksisiti.

Manakala, lawatan ke Ladang *Eucalyptus* bertujuan untuk melihat kebolehlaksanaan usaha memulihara kawasan ladang terbiar melalui penanaman pokok *Eucalyptus* memandangkan anggaran pulangannya yang menarik. Ia juga bertujuan untuk melihat potensi pokok *Eucalyptus* sebagai salah satu spesies yang ditanam melalui Program Pembangunan Ladang Hutan.

Tempoh pulangan yang dijangkakan singkat iaitu antara tujuh hingga ke lapan tahun menjadikan ianya satu peluang yang baik untuk para pelabur. Disebabkan faktor tersebut, ianya berpotensi untuk dijadikan sebagai spesies tanaman ladang hutan di masa akan datang di Semenanjung Malaysia.

Pada masa ini FRIM telah mengadakan kerjasama dengan Persatuan Pengilang Produk Panel Malaysia (MPMA) melalui sebuah memorandum persefahaman untuk menghasilkan anak pokok kultur tisu *Eucalyptus* sp. dan spesies bernilai komersial bagi tujuan perladangan. Melalui kerjasama ini juga, FRIM akan mempromosi dan menyokong program perladadangan komuniti MPMA termasuklan bagi spesies *Eucalyptus* dan akan membekalkan kepakaran serta bantuan teknikal jika diperlukan,

**KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI
7 APRIL 2019**